

www.pos.com.my

**POS**  
MALAYSIA

# posnet

JARINGAN MAKLUMAT POS MALAYSIA BERHAD

MAJALAH RASMI POS MALAYSIA BERHAD  
NO. KDN: PP14292/8/2006

Bilangan 23 (keluaran 5/2008)  
Untuk edaran dalaman



Meriahkan *Hari Raya*  
Raikan Bersama  
**Pos Malaysia**

➤ HARI RAYA DISAMPUT  
MERIAH DALAM KESEDERHANAAN

➤ SAMBUTAN  
HARI POS SEDUNIA 2008

➤ JOM BALIK RAYA BERSAMA POS  
MALAYSIA

➤ MALAM MESRA BERSAMA  
PENGERUSI POS MALAYSIA BERHAD

# Kandungan

## 2 BERITA UTAMA

- Meriahkan Hari Raya, Raikan Bersama Pos Malaysia

## 4 GEMPAK @ PosNet

- Jom Balik Raya bersama Pos Malaysia
- Sambutan Hari Pos Sedunia 2008
- Malam Mesra bersama Pengerusi Pos Malaysia Berhad

## 6 KORPORAT @ PosNet

- Pos Malaysia terima Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif baru
- Pengurus-pengurus Negeri Pos Malaysia

## 8 BERITA SBU & NEGERI

- Pos Malaysia kini menghantar kertas peperiksaan untuk PDRM
- Penyampaian Hadiah Hantar Kad Raya dapat Duit Raya PosMel
- PosEkspres International dilancarkan PosLaju tandatangani Perjanjian bersama DHL
- PosLaju lancar mesin pengimbas tangan yang ke seribu
- Penyampaian hadiah pemenang Kempen JomMudah! PosNiaga
- COO Poslaju turun padang

## 16 INFO@PosNet

- Program PETER

## 17 SETEM & FILATELI @ PosNet

## 18 PENGHARGAAN @ PosNet

## 19 PUISI @ PosNet

# NOTA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Hari Raya Aidilfitri yang baru berlalu meninggalkan 1001 kenangan kepada kita. Melalui jamuan rumah terbuka yang dilaksanakan ternyata kehadiran semua tetamu dari pelbagai bangsa dan keturunan, mengundang cemburu di kalangan negara-negara yang sedang bergolak dengan krisis dalaman mereka. Semangat perpaduan yang jitu sebenarnya adalah simbol kejayaan sesebuah negara.

Dalam pada itu, sambutan Hari Pos Sedunia yang disambut setiap 9 Oktober kini telah mencapai usia 39 tahun. Setiap negeri meraikan Hari Pos Sedunia dengan aktiviti-aktiviti yang menarik dan tersendiri.

Selain itu, kehadiran Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia yang baru diyakini mampu membawa satu dimensi baru kepada Pos Malaysia.

Selamat datang kami ucapkan kepada YBhg Dato' Syed Faisal Albar ke Pos Malaysia!

Adalah diharapkan kehadiran beliau mampu mencetuskan satu evolusi baru dan bakal memacu Pos Malaysia ke arah yang lebih gemilang.

Selamat bekerja kepada semua warga kerja Pos Malaysia

The team @ PosNet

### VISI

Rakan Kepercayaan Anda  
Your Trusted Partner

### MISI

Melaksanakan Kecemerlangan Dalam Setiap Pekerjaan  
Serta Memberikan Hasil Terbaik  
Execute Excellence In Everything We Do And Generate Best Returns

## teamPosNet

### PENASIHAT

Dato' Syed Faisal Albar  
Pengarah Urusan  
Kumpulan / Ketua  
Pegawai Eksekutif

### KETUA PENGARANG

Datin Rohaiza  
Hashim  
Ketua Kumpulan,  
Komunikasi Korporat

### PENGARANG

Yazli Muhamad  
Saleh  
Pengurus Kanan,  
Komunikasi Korporat

### PENOLONG PENGARANG

Hazly  
Damanhuri  
Penolong Pengurus,  
Komunikasi Korporat

### PEREKA GRAFIK

Azizul Izham  
Penolong Pengurus,  
Komunikasi Korporat

### JURUGAMBAR

Ayob Ramli  
Bahagian  
Komunikasi  
Korporat

### JURUGAMBAR

Mohd Rezuwan  
Mohd Noor  
Bahagian  
Komunikasi  
Korporat



**POSNET**  
JARINGAN MAKLUMAT POS MALAYSIA BERHAD

**PENDAPAT ANDA KEUTAMAAN KAMI.**  
Kongsikan bersama kami segala pandangan dan cadangan anda ke:

Team @ PosNet

Bahagian Komunikasi Korporat  
Tingkat 34, Menara Dayabumi  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50050 Kuala Lumpur

Tel : 03-2267 2000

Faks : 03-2274 5951

e-mel : hazly@pos.com.my / yazli@pos.com.my

# 1

## Berita Utama

**POSNET**  
JARINGAN MAKLUMAT POS MALAYSIA BERHAD



# *Hari Raya Disambut Meriah Dalam Kesederhanaan*



**A**idilfitri menjelma lagi. Sambutan hari raya pada tahun ini disambut sederhana tetapi meriah. Masyarakat meraikannya dengan penuh kegembiraan dalam kesyukuran. Pos Malaysia tidak ketinggalan untuk turut sama meraikan pelanggan korporat dan warga kerjanya sempena sambutan Aidilfitri 1429h ini.

Pada **20 Oktober 2008** seramai lebih dari 1000 jemputan dari pelbagai syarikat korporat telah memenuhi ruang dewan di **Hotel Hilton PJ** sempena rumah terbuka Pos Malaysia. Menggunakan tema "Meriahkan Hari Raya, Raikan Bersama Pos Malaysia" sememangnya ia dilihat sebagai sebuah majlis yang cukup meriah. Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dari penari kebudayaan Pos Malaysia Sarawak. Selain itu bakat-bakat yang lahir dari Program Pos Malaysia All-Starz turut sama menghiburkan para tetamu.





Seterusnya pada 21 Oktober 2008 bertempat di Laluan Komuter, Kompleks Dayabumi telah diadakan jamuan hari raya untuk warga kerja di ibu pejabat, PosLaju ibu pejabat, Datapos dan Pos Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jamuan istimewa sebagai penghargaan kepada warga kerja Pos Malaysia in telah masuk tahun keempat diadakan. Menu-menu seperti lemang, ketupat, rendang, sate, soto, nasi beriyani dan pelbagai lagi menjadi hidangan untuk para jemputan. Sekali lagi persembahan kebudayaan dari penari kebudayaan Pos Malaysia Sarawak serta pemenang-pemenang Pos Malaysia All-Starz telah menghiburkan para jemputan yang hadir.





## Jom Balik Raya bersama Pos Malaysia & Suria FM

Peraduan Jom Balik Berhari Raya dengan Pos Malaysia Berhad & Suria FM merupakan satu program kerjasama di antara PMB and Suria FM dengan sokongan daripada Transnational Berhad yang menyediakan perkhidmatan bas. Para pemenang berkumpul di Pos Malaysia Kuala Lumpur yang menjadi tempat pelepasan ke destinasi-destinasi pilihan dan bas-bas yang disediakan dihias khas sempena peraduan tersebut. Acara pelepasan bas-bas ke lokasi-lokasi tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh Che Mat, Pengerusi Pos Malaysia Berhad di Pejabat Pos Besar, Pos Malaysia Kuala Lumpur, Kompleks Dayabumi.

Program Jom Balik Berhari Raya dengan Pos Malaysia Berhad & Suria FM telah ke udara bermula 25 Ogos 2008 sehingga 19 September 2008. Para pemenang menerima tiket untuk dua orang ke destinasi pilihan mereka (Kota Bharu, Penang and Johor Bahru) untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri.



Hari Pos Sedunia kembali lagi pada tahun ini. Hari Pos Sedunia disambut pada 9 Oktober setiap tahun di seluruh dunia dan pada tahun ini ianya merupakan sambutan kali yang ke-39. Di Malaysia, sambutan Hari Pos Sedunia telah di sambut dengan meriah di Pejabat Pos di seluruh negara. Selain daripada pemberian "door gift" kepada pelanggan yang berurusan di kaunter pejabat-pejabat pos. Pelbagai acara menarik telah diadakan di mana ia merapatkan lagi hubungan Pos Malaysia dengan masyarakat. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah pertandingan melukis dan mewarna kanak-kanak, pertandingan meneka jumlah setem, pertandingan mengisih surat, pameran produk dan jualan filateli serta hamper untuk pelanggan bertuah.

Selain itu, peluang turut diambil untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada petugas-petugas yang telah menyumbang dan memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada syarikat. Ianya diharap mampu memberi motivasi kepada pekerja untuk terus komited dan meningkatkan pretasi kerja serta kesetiaan mereka terhadap syarikat dan secara tidak langsung dapat memberi impak yang baik kepada Pos Malaysia.



## SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA 2008

## MALAM MESRA BERSAMA PENERUSI POS MALAYSIA BERHAD

Kedatangan Pengerusi baru Pos Malaysia YBhg Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh Che Mat sememangnya amat dialu-alukan. Bersempena dengan itu satu majlis Malam Mesra bersama Pengerusi Pos Malaysia Berhad telah diadakan untuk sesi ramah mesra bersama pengurusan kanan Pos Malaysia, Pengurus-pengurus Negeri dan wakil-wakil kesatuan. Majlis tersebut turut meraikan kehadiran YBhg Dato' Syed Faisal Albar sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia yang baru. Ia telah diadakan pada 7 November 2008 di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur.



# POS MALAYSIA

## terima PENGARAH URUSAN KUMPULAN / KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BARU

Pos Malaysia Berhad telah menerima Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif yang baru iaitu **YBhg Dato' Syed Faisal Albar** berkuat kuasa dari **1 November 2008**.



Dato' Faisal merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) dan merupakan ahli American Institute of Certified Public Accountants (AICPA).

Beliau memulakan kariernya dengan Syarikat Price Waterhouse (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers) Kuala Lumpur pada tahun 1991. Beliau telah berkhidmat di Price Waterhouse, San Francisco, California, Amerika Syarikat pada tahun 1995 sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada tahun 1997. YBhg Dato' Syed Faisal menyertai The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad pada bulan Mei 2000 sebagai Pengawal Kewangan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Eksekutif pada tahun 2003.

YBhg Dato' Syed Faisal Albar turut memegang jawatan di dalam Lembaga Pengarah The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Seluruh warga kerja Pos Malaysia Berhad mengucapkan syabas dan mengalu-alukan pelantikan YBhg Dato' Syed Faisal Albar dan berharap agar pengalaman beliau dapat mempertingkatkan serta memacu kejayaan Pos Malaysia Berhad.

# PENGURUS-PENGURUS NEGERI BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI POS MALAYSIA



Duduk Tengah: YBhg Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Haji Che Mat  
Duduk Kiri: YBhg Dato' Syed Faisal Albar  
Duduk Kanan: YBhg Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid

Berdiri Dari Kiri ke Kanan: En. Mohd Salleh Ibrahim, Tuan Haji Annuwar Mohd Akhir, En. Lee Pow Choy, Tuan Haji Wan Sharpudin Wan Ramli, Tuan Haji Mohd Nasir Ismail, En. Baharum Said, En. Mohd Azizi Mohd Sanusi, En. Jaafar Abdul Rahman, Tuan Haji Wan Mohd Zain Haji Wan Mamat, En. Jumaat Rebut, En. Othman Abdullah, Tuan Haji Aziz Sulong, Tuan Haji Abdul Hadi Hamid





## POS MALAYSIA HANTAR KERTAS PEPERIKSAAN UNTUK PDRM

Sebagai usaha berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pos Malaysia Berhad (PMB) telah mewujudkan satu hubungan kerjasama strategik dalam menguruskan kertas peperiksaan PDRM melalui perkhidmatan bungkusan.

Dalam majlis menandatangani perjanjian antara PDRM dan PMB, PDRM telah diwakili oleh DCP Dato' Acryl Sani Hj Abdullah Sani, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) Polis Di Raja Malaysia manakala PMB pula diwakili oleh Encik Mohamed Hazlan Mohamed Hussain, Ketua Pegawai Operasi PosMel. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai kanan dari PDRM dan juga Pos Malaysia Berhad dan diadakan pada 4 September 2008 di perkarangan Pejabat Pos Besar Shah Alam, Selangor.

Oleh : Mohamad Razizi Yaacob (PosMel)



# 4

## Berita Sbu & Negeri



## POS EKSPRES INTERNATIONAL DILANCARKAN

Pada 29.8.2008 PosMel, Ibu Pejabat telah memperkenalkan perkhidmatan baru yang dikenali sebagai Perkhidmatan Pos Ekspres International khusus bagi penghantaran dokumen secara segera. Untuk permulaan, perkhidmatan ini hanya terhad bagi penghantaran ke Great Britain dan Ireland Utara sahaja. Pos Malaysia telah pun mendapat persetujuan dan kerjasama daripada pihak Royal Mail Great Britain untuk memastikan semua item Pos Ekspres International yang dihantar ke negara berkenaan dapat diserahkan segera kepada penerimanya. Pos Ekspres International tersebut telah dilancarkan oleh YBhg Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain, Ketua Pegawai Operasi, Posmel.

Oleh : Norlaila Jaafar (PosMel)



## PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG KEMPEL JOM MUDAH BULAN SEPTEMBER

Kempen Jom Mudah yang bermula sejak 1 September 2008 dan bakal berakhir pada 31 Mac 2009 telah menemui pemenang-pemenang bertuah untuk sepanjang bulan September. Satu majlis ringkas penyampaian hadiah kepada para pemenang telah diadakan pada 31 Oktober 2008. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh YBhg Datin Rohaiza Hashim, Ketua Kumpulan, Komunikasi Korporat, Pos Malaysia.

Oleh : Azlina Abdullah (PosNiaga)



## POSLAJU TANDATANGANI PERJANJIAN BERSAMA DHL

PosLaju and DHL melalui kerjasama strategik telah melancarkan POSPRIORITY Express iaitu satu perkhidmatan penghantaran ekspres yang bertaraf dunia. Kerjasama ini telah membawa PosLaju ke satu tahap yang lebih baik di samping memberi kepelbagaian perkhidmatan kepada para pengguna terutamanya yang ingin menghantar barang ke luar negara dalam tempoh yang segera. POSPRIORITY dihasilkan secara bersama oleh PosLaju dan DHL dan hanya dijual secara eksklusif di Pusat PosLaju seluruh Malaysia.

Oleh : Norazreen Ezianti (PosLaju)

## PERTANDINGAN HANTAR KAD RAYA DAPAT DUIT RAYA

Sepanjang bulan Ramadhan yang lalu PosMel telah menaja program raya disalurkan KLfM iaitu Pertandingan Hantar Kad Raya Dapat Duit Raya bermula pada 18 September 2008 sehingga 8 Oktober 2008. Pertandingan ini memerlukan pendengar menghantar kad ucapan ke KLfM yang ditujukan kepada yang tersayang. 10 pemenang dengan ucapan terbaik telah dipilih oleh pihak KLfM bagi memenangi hadiah yang ditawarkan yang berupa RM100 kepada pengirim dan RM50 kepada penerima kad ucapan.

Pada 23/10/2008 berlangsungnya majlis penyampaian hadiah tersebut kepada pemenang - pemenang Pertandingan Hantar Kad Raya Dapat Duit Raya bertempat di Bangunan IBC, Angkasapuri. Hadiah disampaikan oleh En. Quek Lim Tiong, Ketua Pengurusan Produk Mel mewakili Ketua Pegawai Operasi PosMel, YBhg Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain.

Oleh : Wan Nor Azira Mazlan & Shafizah Umamah Abdul Mutalib (PosMel)



## POSLAJU LANCAR MESIN PENGIMBAS TANGAN YANG KE - 1000

Oleh : Norazreen Ezianti (PosLaju)

PosLaju, Spritvest & Motorola pada 28 Oktober 2008 di Hotel Concorde, Kuala Lumpur telah menandatangani perjanjian penggunaan mesin pengimbas tangan di semua cawangan PosLaju seluruh Malaysia. Perjanjian ini selaras dengan kehendak kerajaan yang menginginkan PosLaju terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik pada masa akan datang. Penggunaan mesin pengimbas tangan MC3000 membolehkan PosLaju mencapai tahap operasi yang lebih efisien. Penggunaan mesin pengimbas tangan ini juga mampu untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti keselamatan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PosLaju.

# COO POSLAJU TURUN PADANG JADI KURIER SERAHAN

KERETA MERCEDES BENZ HITAM ITU PERLAHAN MENYUSURI MASUK PERKARANGAN PUSAT POSLAJU BANGI. PENGURUS POSLAJU BANGI, HJ KAMARUDIN AWANG PANTAS MELAMBAI KEPADA WARGA POSLAJU YANG BERADA DI DALAM MERCEDES ITU. HARI INI, 18 RAMADAN 1429, ADALAH HARI ISTIMEWA KERANA COO POSLAJU, HJ NADZA ABDUL, AKAN TURUN PADANG MENJADI SEORANG KURIER BIASA POSLAJU DAN MEMBUAT SENDIRI TUGAS SERAHAN POSLAJU!

“Saya telah lama mengambil keputusan untuk meluangkan satu hari bagi turun padang dan membuat sendiri kerja-kerja serahan seperti seorang kurier biasa. Sebelum ini saya sudah membuat aktiviti mengambil barangan PosLaju dari pelanggan berkontrak menggunakan van dari Pusat PosLaju Petaling Jaya. Untuk kali ini pula, saya akan membuat kerja serahan PosLaju pula. Saya bertuah kerana Tn Hj Kamarudin telah memberikan saya kawasan bit serahan yang saya sudah arif, iaitu Bandar Kajang dan taman perumahan Saujana Impian, di mana rumah saya sendiri terletak. Saya juga bertuah kerana pada hari itu, barangan PosLaju yang perlu diserahkan sudah siap disusun untuk saya.

Susunatur (‘sequencing’) adalah proses menyusun barangan PosLaju mengikut susunan alamat serahan, di mana barangan yang teratas adalah untuk alamat yang terdekat dan barangan yang di bawah adalah untuk alamat yang terakhir kurier akan pergi. Seorang kurier yang berpengalaman akan menyusunatur agar tiada jalan yang dilaluinya lebih dari sekali dan agar laluan terpendek akan digunakan.

Kesibukan aktiviti awal pagi semua warga PosLaju Bangi terhenti sebentar ketika saya mengambil kesempatan memberi sedikit taklimat. “Untuk bulan September ini, syarikat akan membuat pembayaran gaji lebih awal beberapa hari sempena kedatangan Hari Raya nanti”. Hampir semua yang mendengar tersenyum lebar selepas itu. Saya mengangkut masuk ke dalam van PosLaju semua kotak-kotak, sampul surat, bungkusan dan kad kredit untuk diserahkan. Setelah membuat pemeriksaan kenderaan (minyak, brek, klac, lampu) saya mula meninggalkan Pusat PosLaju Bangi.

Bit serahan saya adalah kawasan taman perumahan Saujana Impian di mana majoriti penduduk bekerja di KL dan tiada di rumah di siang hari. Saya menjangkakan akan terdapat banyak barang yang tidak dapat diserahkan ke tangan penerima, oleh kerana ketiadaan penghuni. Secara purata, seorang kurier PosLaju akan berada dan menunggu di alamat penerima selama 3 minit, sebelum beredar jika ketiadaan orang. Sepanjang menunggu, saya membunyikan hon van, menekan loceng rumah, memberi salam dan bertanya orang sebelah, untuk benar-benar memastikan orang tiada sebelum meninggalkan Kad Maaf. Kad Maaf adalah notis yang ditinggalkan oleh seorang kurier PosLaju bila beliau sudah cuba untuk menyerahkan barang PosLaju namun gagal kerana tiada orang. Untuk PosLaju, kadar Kad Maaf adalah sekitar 8% dari jumlah serahan. Kadar ini adalah kompetitif kerana ada syarikat kurier antarabangsa di Eropah yang mencecah 10% bila membuat serahan ke alamat perumahan. Setelah Kad Maaf ditinggalkan, barulah saya bergegas pula ke alamat seterusnya. Bila ada penerima di rumah, saya sentiasa melontar senyuman kepada mereka, agar imej kurier PosLaju kekal positif di ingatan mereka.



Cabaran saya hari ini adalah untuk menjayakan serahan kad kredit sebaik mungkin. Bank-bank telah memberi arahan ketat agar PosLaju hanya menyerahkan kad kredit kepada penerima saja atau ahli keluarga yang menunjukkan kad pengenalan. Sukar untuk menyerahkan kesemua kad kredit setiap hari kerana arahan ini. Saya ada membawa 17 kad kredit, di mana 10 tidak berjaya di serah kerana penerima tiada di rumah. Buat masa sekarang, Pusat PosLaju Bangi menerima lambakan kad kredit, di mana hari ini sahaja hampir 1,000 kad kredit perlu di serahkan oleh 34 orang kurier.

Setiap kurier PosLaju dibekalkan dengan telefon bimbit untuk menelefon penerima dalam menyerahkan barang PosLaju. Saya sendiri banyak kali cuba menelefon, tapi gagal kerana penerima tidak menjawab panggilan atau nombor telefon langsung tidak diberikan oleh pengirim.

Pada hari ini, bebanan kerja saya hanyalah 34 item untuk diserahkan. Tugas serahan saya pula memakan masa 3.5 jam dan berjaya saya selesaikan sebelum bermula solat Jumaat. Memang tiada masa makan pada hari ini, memandangkan saya memilih hari di bulan Ramadhan untuk membuat kerja serahan ini. Pelbagai kerenah orang juga saya saksikan hari ini: ada yang ponteng ke sekolah, ada yang ponteng berpuasa, ada pembantu rumah yang tidak berani buka pintu pagar, ada makcik-makcik yang riuh rendah bergosip, ada orang yang sesat lalu bertanyakan saya alamat.

Seorang kurier secara optimalnya boleh menyerahkan sebanyak 80 barangan PosLaju setiap hari. Namun pada hari ini, purata yang dikendalikan oleh kurier di PosLaju Bangi melonjak ke 118!”

**NADZA ABDUL**  
Ketua Pegawai Operasi, Poslaju

# JOHOR

## **M** AJLIS JAMUAN HARI RAYA DIRAIKAN BERSAMA MAJLIS PERTUKARAN SERTA PERPISAHAN ANGGOTA PPNJ YANG AKAN KE TANAH SUCI

Di samping kemeriahan mengadakan Majlis Hari Raya Aidilfitri , wargakerja Pejabat Pengurus Negeri Johor juga mengadakan sekali majlis meraikan perpisahan anggota PPNJ yang bertukar ke Unit lain dan juga meraikan anggota PPNJ yang akan berangkat ke Tanah Suci Mekah . Pengurus Negeri Johor Encik Jumaat B. Rebut menyampaikan cenderahati kepada anggota-anggota yang diraikan dan juga bergambar sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2008.



# KEDAH/PERLIS

## **J** AMUAN HARI RAYA AIDILFITRI DI PEJABAT PENGURUS NEGERI KEDAH/PERLIS.

Jamuan Hari Raya ini telah diadakan pada 29 Oktober 2008 dengan bertujuan untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan sesama kakitangan Pejabat Pengurus Negeri Kedah /Perlis.

Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan Pengurus Negeri Kedah/Perlis, Ketua-ketua SBU, Ketua-ketua Unit dan Kakitangan Pejabat Pengurus Negeri. Ruang tetamu, Pejabat Pengurus Negeri Kedah/Perlis menjadi lokasi utama majlis ini diadakan.

## **MAJLIS SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA PERINGKAT NEGERI KEDAH/PERLIS**

Sambutan Hari Pos Sedunia peringkat Negeri Kedah/Perlis telah diadakan di dua Negeri secara serentak pada 9 Oktober 2008. Di Negeri Kedah, sambutan ini telah diadakan di Pejabat Pos Besar Alor Star, Kedah. Bagi menampakkan lagi suasana Hari Pos sedunia, cenderahati diberikan kepada pelanggan yang berurusan di kaunter. Pelbagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan, antaranya peraduan mewarna bagi pelajar tadika, pertandingan mengisih surat bagi kakitangan dan pelanggan, teka berat bungkusan, pameran Filateli dan pameran kereta dari Syarikat Perodua. Pada sebelah petang pula, Kakitangan Pejabat Pos Besar Alor Star berkumpul di Bilik Prosesan Alor Star untuk mendengar Perutusan dari Pengurus Negeri dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang dijalankan.

Sambutan Hari Pos Sedunia peringkat Negeri Perlis pula telah diadakan di Pejabat Pos Kangar. Sambutan Hari Pos Sedunia ini mendapat sambutan yang mengalakkan dari golongan pelajar sekolah tadika, sekolah menengah dan para pelanggan yang berurusan pada hari tersebut. Sambutan adalah sama seperti yang dijalankan di Negeri Kedah. Turut memeriahkan sambutan tersebut ialah pameran ular dari Taman Ular Batu Pahat. Pameran itu menjadi tumpuan umum kepada pelanggan yang datang ke pejabat pos. Di Negeri Perlis, Perutusan Hari Pos Sedunia telah disampaikan oleh Tuan Haji Baharuddin B. Ahmad ( Ketua Operasi Mel Kedah/Perlis ) kepada kakitangan Pos yang hadir.

Oleh : Mohd Hanif B. Azmi

## **SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA DI POS MALAYSIA MUAR , JOHOR**

Pada 9 Oktober 2008, Pos Malaysia Muar, Johor telah meraikan sambutan Hari Pos Sedunia peringkat negeri. Acara ini telah diadakan dengan penuh kemeriahan dengan penyertaan kanak-kanak dalam pertandingan mewarna setem, pengisihan surat dan macam-macam lagi. Sambutan orang ramai terhadap Hari Pos Sedunia kali ini dilihat cukup menggalakkan

Oleh : Mazni Bt Mokhtari



## PULAU PINANG

# S

### AMBUTAN HARI POS SEDUNIA DIRAIKAN SERENTAK BERSAMA JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI

Pos Malaysia Pulau Pinang menyambut Hari Pos Sedunia pada tahun ini dalam sambutan yang dijalankan secara sederhana tetapi meriah. Sambutan kali ini lebih bermakna kerana ia diadakan secara serentak dengan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri peringkat negeri. Pelbagai acara telah diadakan sempena sambutan Hari Pos Sedunia seperti pertandingan kuiz, yang disertai oleh 20 orang pelajar Sek. Keb. Kuala Perai dan pertandingan mewarna yang disertai seramai 50 orang kanak-kanak Tabika Kemas, Bagan Dalam. Turut disediakan hadiah-hadiah kepada Unit / Bahagian Terbaik dalam Pos Malaysia Pulau Pinang yang telah menunjukkan prestasi kerja yang baik mengikut kategori dan keputusannya seperti berikut :-

- Kategori volume mel terbanyak bagi setiap kakitangan – Caw. Serahan Jelutong
- Kategori transaksi terbanyak untuk setiap kaunter – Pejabat Pos Tesco
- Kategori kutipan scorecard tertinggi untuk hutang tertanggung – Unit Poslaju Bukit Mertajam
- Kategori Cuti Sakit terendah di Bahagian Sokongan PPN – Unit Kewangan



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri pula telah dimeriahkan dengan kehadiran lebih 800 orang yang terdiri dari wakil-wakil jabatan kerajaan dan agensi yang berurusan dengan Pos Malaysia, pengusaha-pengusaha Pos Mini, pelanggan-pelanggan, penduduk setempat dan warga kerja Pos Malaysia Pulau Pinang. Pelbagai juadah telah disajikan antaranya nasi himpit, ketupat dan laksa.

Oleh : Husaini



## PERAK

# M

### AJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 2008 NEGERI PERAK

Bagi menambahkan kemesraan dan mengeratkan lagi silaturahmi antara pegawai dan semua kakitangan, Pengurusan Pos Malaysia Perak bersama-sama dengan PKIP Negeri Perak telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya 2008 yang bertempat di Tingkat 1, Pejabat Pengurus Negeri pada 31 Oktober 2008.

Pada majlis ini, turut diadakan Majlis Hari Lahir dan bacaan Yaasin kepada 9 orang kakitangan yang akan menunaikan Haji.

### PERHIMPUNAN SEMPENA HARI POS SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK

Satu majlis perhimpunan khas telah dianjurkan sempena menyambut Hari Pos Sedunia yang berlangsung di Perkarangan Pejabat Pos Besar Ipoh pada 9 Oktober 2008.

Acara Hari Pos Sedunia telah dimulakan dengan ucapan oleh Pengurus Negeri En Mohd Azizi bin Mohd Sanusi yang meminta agar semua pegawai dan kakitangan meningkatkan lagi prestasi kerja sejajar dengan kematangan usia Pos Malaysia. Majlis ini turut dimuatkannya dengan bacaan ikrar yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

Pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan meneka bilangan setem, pelanggan bertuah dan pertandingan mewarna dari sekolah tabika Kemas telah dianjurkan bagi memeriahkan majlis Sambutan Hari Pos Sedunia.

Oleh : Karamjit Kaur



## NEGERI SEMBILAN

### M AJLIS SAMBUTAN HARI RAYA DI PEJABAT PENGURUS NEGERI

Majlis Sambutan Hari Raya telah disambut dengan meriahnya di Pejabat Pengurus Negeri hasil kerjasama kakitangan tersebut.

Pelbagai juadah tradisional Melayu seperti sate dan ketupat, lemang dan rendang, nasi tomato, laksa asam, kuih muih, agar-agar, buah-buahan telah disediakan. Majlis ini juga lebih bermakna dengan adanya cabutan nombor bertuah mengikut nombor personel.



### SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA

Sempena sambutan Hari Pos Sedunia, pelbagai aktiviti-aktiviti bersama pelanggan telah diadakan di Peringkat Pos Malaysia Negeri Sembilan. Antaranya ialah menguji kebolehan mengisih surat, meneka jumlah bilangan setem dan pertandingan mewarna setem bagi sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Sebanyak 1,000 penyertaan peraduan meneka bilangan setem yang telah diterima, pemenang yang berjaya telah menerima hadiah dari tempat pertama hingga ketiga. Manakala sepuluh pemenang menerima hadiah sugu hati.

Oleh : Norazidah bt Muhamad

## MELAKA

### B OLASEPAK: WARGA POS MALAYSIA MELAKA LAKAR SEJARAH

Dengan dibarisi oleh pemain tempatan yang merupakan kakitangan Pos Malaysia Melaka, pasukan ini berjaya sekali lagi membawa imej syarikat setanding bersama-sama kelab-kelab terbaik dari Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang yang menyertai Piala Sumbangsih sempena sambutan Hari Jadi TYT Yang

DiPertua Negeri Melaka di Stadium Hang Jebat, Melaka. Walaupun, mendapat tempat Naib Johan dengan hadiah wang tunai RM 1000 serta piala, namun apa yang penting ialah kerjasama berpasukan, komitmen semasa latihan serta semangat juang yang ditunjukkan oleh kakitangan Pos Malaysia Melaka. Tahniah dan Syabas !!

Oleh: Mahfidz Hj. Omar



## SELANGOR

### M AJLIS AIDILFITRI 1429 H / 2008 PPN SELANGOR

Pada 14 Oktober, 2008 (Selasa) bertempat di CafeCorner PPN Selangor seramai 100 orang jemputan telah sama-sama memeriahkan Majlis Aidil Fitri 1249H/2008M PPN Selangor . Majlis ini telah dapat

dilaksanakan dengan jayanya dan meriah kerana kerjasama semua kakitangan yang bertugas di PPN Selangor. Pada tarikh yang sama juga telah diadakan sesi penyampaian hadiah oleh Pengurus Negeri Tuan Haji Wan Shapudin Wan Ramli kepada pemenang teka berat bungkusan (pelanggan luaran), Anugerah Khas kakitangan Pejabat Pos Besar Shah Alam transaksi harian paling banyak dalam tempoh 4 bulan tahun 2008 dan pemenang Pertandingan Explorace Pos sempena Hari Pos Sedunia 2008 Peringkat Negeri Selangor .



## XPDC GUNUNG KINABALU POS MALAYSIA NEGERI SELANGOR.

Seramai 8 orang kakitangan terpilih dan diiringi 3 orang pegawai dari Pos Malaysia Berhad Negeri Selangor telah menyertai aktiviti Pendakian Gunung Kinabalu pada 23 Oktober 2008. Pegawai pengiring diketuai oleh Pengurus Negeri Tuan Haji Wan Sharpudin Wan Ramli, En. Nasjaruddin Hj Abd Kadir, Tuan Haji Abd Razak Hj Abu Bakar dan lapan peserta pendakian yang terdiri daripada En. Mohd Azli Samsudin, Mohamad Desa A. Majid, Fazly Ramadan, Mohd Rafiuddin Jasmee, Mohd Ruzuan Md. Rusli, Sulaiman Zulkifli, Zulhasreza Nordin dan En. Ariff Fadzilah Ahmad. Kesemua lapan peserta pendakian ini telah berjaya sampai di kemuncak Gunung Kinabalu berketinggi 4,095.2 meter pada 26 Oktober 2008 (Hari Ahad) pada jam 6.15 pagi. Misi utama XPDC ini ialah untuk mengibarkan LOGO BARU Pos Malaysia Berhad di puncak Gunung Kinabalu. Sekalung tahniah diucapkan kepada kesemua lapan peserta tersebut dan 3 orang pegawai pengiring di atas kejayaan ini.



Pendakian Gunung Kinabalu



Pertandingan motosikal lambat

### PROGRAM - PROGRAM SEMPENA HARI POS SEDUNIA PADA 9 OKTOBER 2008 POS MALAYSIA NEGERI SELANGOR

Sambutan Hari Pos Sedunia pada tahun ini disambut dengan cukup meriah. Banyak acara-acara serta program-program menarik yang diadakan demi memeriahkan sambutan pada kali ini. Di antara program-program tersebut ialah, meneka berat bungkusan, cabutan nombor bertuah sistem QMS kaunter Pejabat Pos Besar Shah Alam, sesi bertemu pelanggan dengan pelanggan Pos, program Explorace, pertandingan motosikal lambat, penjagaan motosikal terbaik, anugerah khas bahagian kaunter/retail Pejabat Pos Besar Shah Alam-transaksi harian paling banyak dalam tempoh 4 bulan bagi tahun 2008.

## TERENGGANU

**M** AJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 2008 Bersempena Majlis Sambutan Hari Raya, 2008 Pos Malaysia Terengganu pada 24.10.2008, Pengurus Negeri Tuan Haji Mohd Aziz bin Sulong dan isteri Puan Hajjah Azizah bt. Ali sama-sama menyampaikan duit raya kepada anak-anak kakitangan Pos Malaysia Terengganu di Perkarangan Muzium Negeri, Bukit Losong, K. Terengganu.

Sempena sambutan Hari Pos Sedunia, pelanggan-pelanggan di Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu yang terpilih telah menerima hadiah istimewa dari pihak pengurusan berupa hamper sebagai tanda penghargaan di atas kesetiaan mereka menggunakan perkhidmatan pos selama ini. Turut diadakan ialah upacara melepaskan posmen serahan secara beramai-ramai di hadapan Bangunan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu.



Pelepasan posmen serahan beramai-ramai



## SABAH

### M AJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI DIRAIKAN SERENTAK DENGAN HARI POS SEDUNIA

Majlis sambutan hari Pos Sedunia 2008 negeri Sabah telah diadakan serentak bersama jamuan hari raya aidilfitri 2008 bertempat di bangunan Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu. Jamuan hari raya pada kali ini disambut dengan sederhana tetapi penuh meriah. Sementara itu sempena Hari Pos Sedunia seramai 422 pelanggan menyertai aktiviti meneka setem dan meneka berat bungkusan di tempat pameran yang diadakan.

## SARAWAK

### A K TIVITI DERMA DARAH ANTARA AKTIVITI MENARIK DALAM SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA 2008 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Hari Pos Sedunia peringkat Negeri Sarawak telah diadakan pada hari Khamis 9 Oktober 2008 di Pejabat Pos Besar Kuching. Walaupun dalam keadaan sederhana namun meriah sambutan kali ini telah di adakan dengan pelbagai aktiviti. Antaranya ialah derma darah oleh warga kerja Pos Malaysia Bhd di bandaraya Kuching. Aktiviti yang menarik minat murid-murid sekolah ialah pertandingan mengisih surat serta mewarna setem.



Menderma darah

### SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MERIAH DI KUCHING, SARAWAK

Satu majlis sambutan hari raya aidilfitri telah di adakan pada 17 Oktober 2008. Walaupun dalam keadaan sederhana namun sambutannya sungguh menggalakkan dan meriah diserikan lagi dengan beberapa acara yang menarik perhatian para pengunjung di majlis itu. Antaranya ialah pertandingan menganyam ketupat, mengikat sampin dan pilihan jejaka dan wanita berpakaian kemas dan teranggun. Pengurus Negeri Sarawak, Pos Malaysia Bhd dalam ucapan alu-aluannya berharap majlis seumpama ini dapat mengeratkan lagi silaturahim diantara warga kerja Pos di samping berkesempatan untuk bermaaf-maafan sesama rakan sekerja. Di akhir majlis Encik Junaini Bin Yak, Penyelia Posmen telah menerima Hadiah Misteri dari Pengurus Negeri, Hj. Mohd Nasir Ismail di atas penglibatan aktif beliau sepanjang majlis ramah tamah aidil fitri di jalankan.

Oleh : Abdul Rahman Khatib



Peraduan mewarna setem merupakan salah satu daripada acara sambutan Hari Pos Sedunia





# Program **PETER**

**Program PETER (Promoting Employee to Entrepreneur Rationalisation)** ialah

program pembangunan usahawan yang merupakan sebuah program transformasi di dalam Pos Malaysia Berhad (PMB).

Program ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada kakitangan PMB menceburi lapangan perniagaan dan keusahawanan.

Di dalam program PETER, para usahawan yang terpilih akan diberikan peluang untuk mengendalikan pejabat pos pilihan.

Pengendalian Pejabat Pos PETER adalah seperti pejabat pos biasa tetapi amat berbeza dengan pejabat pos mini yang hanya menawarkan perkhidmatan yang terhad. Selain perkhidmatan pos, para usahawan adalah digalakkan untuk membangunkan model perniagaan sendiri dalam apa jua bidang seperti peruncitan, katering, perusahaan kecil dan sederhana serta lain-lain bidang yang dibenarkan oleh PMB.

**Usahawan PETER** boleh mempelbagaikan pendapatan mereka dengan memasarkan produk-produk yang ditawarkan

Selain itu, para usahawan PETER boleh mempelbagaikan pendapatan mereka dengan memasarkan produk-produk yang ditawarkan oleh rakaniaga program ini seperti; barangan elektrik dari Singer, produk kesihatan dari Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan perkhidmatan perancangan harta Islam as-Salihin. Bagi peserta yang terpilih, mereka akan ditawarkan untuk menyewa pejabat pos berkenaan dalam harga yang amat berpatutan dan ditawarkan Skim Pemisahan Sepakat (SPS) sebagai galakan daripada PMB.

Sehingga April 2008, seramai lapan belas (18) kakitangan PMB telah menyertai program PETER. Mereka telah diberikan latihan keusahawanan dan latihan mengenai produk-produk rakaniaga program PETER.

Program PETER ditawarkan kepada semua kakitangan PMB; sekiranya berminat, anda boleh mendapatkan maklumat terperinci daripada pegawai yang berikut:

- i) **Mohd Hasimuddin B. Kushairi**  
 Unit Pembangunan Rangkaian, PosNiaga  
 Tingkat 7, Ibu Pejabat Pos Malaysia Berhad  
 Tel : 03-2274 1122 (samb: 6779)  
 e-mel : hasimuddin@pos.com.my
  
- ii) **Mohamad Anis Bin Mohamad**  
 Unit Pembangunan Rangkaian, PosNiaga  
 Tingkat 7, Ibu Pejabat Pos Malaysia Berhad  
 Tel : 03-2274 1122 (samb: 6906)  
 e-mel : anis@pos.com.my

# SETEM & FILATELI @ PosNet

## SETEM DAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA PROGRAM ANGKASA LEPAS

Pos Malaysia Berhad (PMB) telah mengeluarkan setem khas dan Sampul Surat Hari Pertama bagi meraikan Ulang Tahun Pertama Program Angkasawan Negara.

Keluaran koleksi setem khas dan Sampul Surat Hari Pertama ini adalah antara usaha Pos Malaysia Berhad dalam meraikan kejayaan dalam sejarah Malaysia, apabila buat pertama kalinya, angkasawan negara dihantar ke angkasa lepas.

Setem yang berukuran 30 mm x 50 mm ini dicetak sebanyak 20 setem sehelai di atas kertas tera air SPM bersalut fosfor dan boleh didapati dalam dua denominasi iaitu 30sen dan 50sen dengan tiga rekabentuk.

Setem dan sampul surat Hari Pertama tersebut telah dilancarkan oleh YB Tuan Haji Fadillah bin Hj Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) di Planetarium Negara, Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2008.



## SETEM KHAS MEMAPARKAN CENGERANG LAUT

Pos Malaysia Berhad telah mengeluarkan koleksi setem khas dan Sampul Surat Hari Pertama yang memaparkan cengkerang laut yang menarik dan mempersonakan yang boleh dijumpai di pesisir pantai di Malaysia.



Cengkerang laut merupakan antara hidupan laut yang sangat cantik dan menarik dikenali sebagai moluska yang mempunyai pelbagai jenis bentuk dan warna. Cengkerang laut adalah kulit luar yang keras bagi hidupan laut, khususnya haiwan invetebrata dan cengkerang laut ini adalah dari keluarga moluska laut yang mempunyai pelbagai jenis bentuk dan warna. Cengkerang laut adalah dari keluarga moluska laut yang terdiri daripada beberapa sub-kategori seperti gastropod ( contoh: siput), brivalves (contoh: kerang) and chitons.

## SETEM PAPARKAN BUNGA-BUNGAAN UNIK DI MALAYSIA

Pos Malaysia Berhad telah mengeluarkan koleksi setem dan Sampul Surat Hari Pertama yang memaparkan Bunga-Bunga Unik pada 9 Oktober 2008 bersempena dengan Hari Pos Sedunia 2008.

Terdapat pelbagai jenis bunga-bunga yang ditemui di Malaysia yang terdiri daripada beberapa spesies yang menarik dan unik sama ada dari segi rupa bentuknya yang istimewa dan keunikan haruman bunga yang tersendiri.

Keluaran setem Bunga-bunga Unik ini adalah merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang bunga-bunga serta mempromosikan bunga-bunga yang terdapat di Malaysia.

# PENGHARGAAN @posnet

## SURAT PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS PEJABAT POS RANTAU

Saya Puan Yasmin ingin merakamkan penghargaan buat petugas di Pejabat Pos Rantau, Negeri Sembilan iaitu Encik Fadil kerana dengan jujurnya telah menjumpai dompet milik suami saya iaitu Mohd Hasnan. Pada 2.11.2008 tempoh hari suami saya mengisi minyak di Petronas Senawang dan tanpa disedari dompet milik beliau telah tercicir. Pada waktu itu beliau dalam perjalanan untuk ke tempat kerja di Chembong. Jam 7.15 pagi beliau mendapat panggilan telefon dari pengawal di pondok Pengawal di tempat kerja yang memberitahu ada seorang Hamba Allah menghantar dompet milik beliau. Suami bergegas ke pondok pengawal dan tidak sempat untuk bertemu dengan En. Fadil yang hanya meninggalkan nota kecil tertulis nama beliau dan nombor telefon. Suami membelek dompet tersebut dan mendapati tiada satu pun isi kandungan dompet tersebut hilang. Suami bersyukur kerana ada juga orang yang jujur yang masih sudi membantu di waktu kecemasan. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih pada tuan kerana mempunyai pekerja yang begitu jujur dan mulia dan berharap agar menjadi contoh pada pekerja yang lain. Semoga sikap murni yang ditunjukkan oleh En. Fadil akan menjadi ikutan oleh pekerja pekerja yang lain.

Syabas saya ucapkan!!!

**PUAN ANNA YASMIN AZMAN**  
SEREMBAN 2, NEGERI SEMBILAN  
012-3692716



Biodata posmen dari Pejabat Pos Rantau

**NAMA :** M. FADIL BIN HAMZAH  
**UMUR :** 30 TAHUN  
**NO. PERSONAL :** 11148  
**TEMPAT BERTUGAS :** POS MALAYSIA  
CAWANGAN RANTAU, N.SEMBILAN  
**MULA BERTUGAS :** 15.07.1996  
DI BHG. PROSESAN PUSAT MEL  
SEREMBAN SEBAGAI POSMEN INDOOR  
24.05.1999 BERTUKAR KE POS  
MALAYSIA CAWANGAN RANTAU  
SEBAGAI POSMEN SERAHAN  
**STATUS :** BERKAHWIN  
**TARIKH KEJADIAN :** 02.11.08

## eShop Mega Sale Carnival is Back

- Exclusive for Pos Malaysia Staff
- Discounts up to 15% for all Health Supplement products
- FREE Delivery



CHAMPS C CHEWABLE  
**RM13.20**  
NP RM15.50



NATURALLE GINGKO BILOBA 1000V  
**RM46.75**  
NP RM55.00



CHAMPS EMULISK  
WITH COD LIVER OIL  
**RM10.9**  
NP RM12.80



PROVITON MULTIVITAMIN  
WITH GINSENG  
**RM28.05**  
NP RM33.00



FLAVETTES ORANGE C 250MG  
**RM11.90**  
NP RM14.00



NATURALLE EVENING PRIMROSE OIL  
PLUS OMEGA-3 FISH OIL  
**RM18.70**  
NP RM22.00



NATURALLE TOCO-E 50MG  
**RM50.15**  
NP RM59.00



SUNLAX NIGHT TABLET  
**RM66.30**  
NP RM78.00

[www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my)  
Promotion Period :  
15 Dec 2008 - 15 March 2009

**PosOnline**  
smart way to stay convenient

Korporatkanlah.....

Aku megah dengan panggilan begitu  
Dua persimpangan semakin hampir  
Mungkin petanda prejudis berakhir  
Kita tetap simbiosis yang ideal  
Kebangkitan revolusi yang optimis  
Meninggalkan sinonim bangau oh bangau  
Bukan rekaan tapi kenyataan

Korporatkanlah.....

Aku senang dengan gelaran itu  
Bukan hanya fatalis semata-mata  
Tetapi berbekalkan tiupan semangat  
Inilah opsyen bagi resolusi  
Bersandarkan tipografi untuk formula terakhir  
Aku akan terus mendongak kelangit  
Tidak mudah untuk sampai ke bulan  
Apatah lagi mendaki everest  
Tetapi cukup untuk menduga dalamnya lautan

Korporatkanlah.....

Aku bangga dengan pengurusannya  
Bukanlah ilusi tentera rejimen  
Tetapi proksi atasannya yang komitmen  
Turun padang bagaikan dengar keluhan  
Berkarisma mengemudikan bahtera impian  
Cekal menerajui untuk membina empyar

## KORPORATKANLAH

Korporatkanlah.....

Janganlah sangkal kemampuan yang ada  
Ayuh bertindak janganlah leka  
Diskriminasi dah berlalu senario pula tiba  
Bangunkan reputasi korporat misi utama  
Kontroversi hanya sekadar provokasi emosi  
Sekuat mana sekebal mana sekalipun  
Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat  
sagunya  
Mungkin itu janji bagi permulaan generasi kita

Hasil Nukilan:

Norafizah Bt. Kamarudin  
Pem.Pegawai Pos  
Pusat Poslaju Seremban  
Negeri Sembilan

## PERSONALITI @ PosNet



**NAMA** : NURAI SYAH BINTI ANUAR  
**JAWATAN** : SETIAUSAHA KETUA PEGAWAI  
OPERASI POSLAJU  
**BAHAGIAN** : POSLAJU  
**STATUS** : BUJANG  
**MAKANAN**  
**KEGEMARAN** : TOMYAM  
**WARNA**  
**KEGEMARAN** : MERAH  
**HOBİ** : MEMBELI BELAH  
**MATLAMAT DI**  
**POS MALAYSIA** :

MENJADI SEORANG PEKERJA YANG SENTIASA  
MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TINGGI UNTUK  
SYARIKAT, BERDEDIKASI DAN CUBA  
MENYUMBANGKAN SEMANGAT BEKERJASAMA  
DIANTARA PEKERJA.

## SIMANJA @ PosNet



**NAMA ANAK** : MUHAMAD ALLIFF AKMAL  
**NAMA BAPA** : MOHD SOBRI KASSIM  
MEL KORPORAT IBU PEJABAT  
**BERAT** : 4 KG  
**T/LAHIR** : 08.08.2008  
**T/LAHIR** : HOSPITAL PEREMPUAN RAJA  
ZAINABKOTA BHARU (HPRZ II)  
**NAMA IBU** : SUHAIDA BT AB. HALIM